

29 pelajar Permata Insan adakan lawatan ilmiah ke Arab Saudi

PUTRAJAYA 10 April - Sebanyak 29 pelajar Permata Insan dari seluruh negara akan menyertai program lawatan ilmiah ke Arab Saudi selama lapan hari bermula esok sehingga 18 April ini.

Program yang pertama kali dianjurkan itu bertujuan mendedahkan pelajar dengan pengalaman sebenar mengenai ilmu yang telah dipelajari sejak menyertai program Permata Insan sejak empat tahun lalu.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung program Permata berkata, program yang mendapat kerjasama Tabung Haji itu akan memberi peluang kepada pelajar tersebut melakukan lawatan sambil belajar di beberapa tempat menarik serta bersejarah di Arab Saudi.

Beliau berkata, tiga tempat utama akan dilawati oleh pelajar bersama tujuh guru pengiring adalah di Jeddah, Madinah dan Mekah.

"Lawatan juga akan dilakukan ke beberapa universiti tersohor dalam bidang Sains Islam iaitu Universiti Umm al-Qura di Mekah, Universiti Taibah di Madinah dan Universiti King Abdul Aziz serta Sekolah Antarabangsa Amerika yang masing-masing di Jeddah.



ROSMAH Mansor (tiga, kanan) menasihati kanak-kanak Permata Insan yang akan berangkat ke Arab Saudi untuk program lawatan ilmiah dan mengerjakan umrah di Seri Perdana, Putrajaya, semalam. Turut hadir Abdul Azeez Abdul Rahim.

"Pada masa sama, pelajar juga berpeluang bertemu tokoh Islam yang disegani seperti Imam Besar Masjidil Haram, Sheikh Abdul Rahman As-Sudais, mengadakan sesi bertalaqi di kedua-dua masjid di

madinah dan Mekah serta melawat Menara Jam Mekah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pertemuan dan ucapan selamat jalan kepada anak-anak Permata Insan ke Arab

Saudi di Sri Perdana di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Rosmah berkata, kunjungan ke menara setinggi 602 meter di Me-

kah itu bakal memberi sumber motivasi baharu kepada pelajar itu untuk belajar bersungguh-sungguh.

Katanya, menara jam itu membawa makna yang besar kepada negara kerana mendapat sentuhan daripada jurutera dan pekerja dari Malaysia.

Sementara itu, Rosmah turut melahirkan perasaan bangga apabila lawatan tersebut diiktiraf sebagai lawatan rasmi oleh Kementerian Pendidikan Arab Saudi, malah, mereka juga membenarkan kanak-kanak di bawah usia 12 tahun untuk mengadakan lawatan ketiga-tiga tempat tersebut tanpa diiringi mahram.

"Kerajaan Arab Saudi mempunyai peraturan yang ketat dengan tidak membenarkan kanak-kanak di bawah usia 18 tahun tanpa diiringi mahram ke sana namun dengan mengambil kira program Permata Insan adalah di bawah naungan saya sendiri, di samping kita juga telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Universiti Taibah, Madinah pada tahun 2010, Alhamdulillah kerajaan Arab Saudi telah mempertimbangkannya dan seterusnya meluluskan permohonan ini," katanya.